

## Ciptaan penuntut UniSZA raih juara

FOTO: AHMAD RABIUL ZULKIFLI

**Kuala Terengganu:** Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) menjadi juara keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Universiti Awam (UA) Kali Ke-12 yang dianjurkan di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) pada 2 hingga 4 Ogos lalu.

Kejayaan memenangi pingat emas itu diraih menerusi ciptaan Kumpulan Epsilon yang menentang mesin kos rendah yang diberi nama Benchtop 3-Axis Computer Numerical Control (CNC) untuk pengajaran dan pembelajaran.

Mesin itu dicipta dengan tujuan memberi kemudahan dalam pembelajaran bagi subjek Teknologi CNC ketika kelas teori dan latihan amali yang dijalankan penuntut bidang berkaitan.

Ketua Fasilitator Teknikal Kumpulan KIK UniSZA Prof Madya Dr Saiful Bahri Mohamed berkata, pihaknya gembira apabila kajian yang dijalankan sejak awal tahun lalu membuahkan hasil.

Menurutnya, ia bukan ha-



**PASUKAN Epsilon** dari UniSZA juara keseluruhan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Universiti Awam kali ke-12.

nya berjaya dicipta tetapi inovasi yang diketengahkan mendapat perhatian dan pengiktirafan juri.

"Produk atau mesin yang dicipta itu memberi lebih banyak kemudahan kepada penuntut dan ia jauh lebih praktikal.

"Ciptaan itu sebagai inovasi bagi kaedah pembelajaran yang lebih menyeronokkan

dan paling penting adalah mengenai kawalan pengaturcaraan mesin, struktur rangka dan komponen perkakasan mesin, saiz mesin yang menarik selain kos pembinaannya rendah," katanya.

Selain Epsilon, UniSZA turut menghantar dua pasukan lain iaitu Mantech bagi kategori teknikal dan i-Con Philolib bagi kategori perundangan.

Kumpulan Mantech menghasilkan produk yang mempercepatkan proses kerja bagi subjek CNC yang bertujuan melatih pelajar mendapatkan ukuran ditetapkan di dalam makmal amali.

Bagi kumpulan i-Con Philolib yang dianggotai kakitangan Perpustakaan UniSZA pula menghasilkan produk diberi nama Al-Luqotoh.

HARIAN METRO  
17/8/2016